

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

PETRONAS kekal jenama paling bernilai di Malaysia

PETRONAS kekal jenama paling bernilai di Malaysia

Nilai kebanyakan jenama besar berkembang selepas langkai tempoh pandemik

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

PETRONAS mengekalkan kedudukannya sebagai jenama paling bernilai Malaysia untuk tahun ke-12 berturut-turut, demikian menurut laporan terbaru perunding penilaian jenama terkemuka, Brand Finance.

Nilai syarikat petroleum negara itu terus meningkat kukuh 13 peratus kepada AS\$13.6 bilion (RM60.6 bilion), lebih tiga kali ganda berbanding Genting Malaysia Bhd (GENM) yang berada di tempat kedua dengan AS\$4.5 bilion (RM20.04 bilion).

Nilai kebanyakan jenama besar Malaysia kembali berkembang ketika negara melangkaui tempoh pandemik, dengan nilai 100 jenama paling berharga berada 21 peratus atau AS\$9.3 bilion (RM41.4 bilion) lebih tinggi kepada AS\$53.7 bilion (RM239.2 bilion) tahun ini berbanding AS\$44.4 bilion (RM197.7 bilion)

10 jenama paling bernilai di Malaysia

1. PETRONAS
2. Genting Malaysia (GENM)
3. Maybank
4. CIMB Bank
5. Tenaga Nasional (TNB)
6. Sime Darby
7. Public Bank
8. Maxis
9. AirAsia
10. Telekom Malaysia (TM)

pada 2021.

Pengarah Urusan Brand Finance Bagi Asia Pasifik, Alex Haigh, berkata jenama berprestasi terbaik dalam sektor minyak dan gas, perbankan serta telekomunikasi termasuk PETRONAS, Maybank dan Affin Bank terus berinovasi menggunakan transformasi digital untuk menebus kerugian yang ditanggung ketika COVID-19, selain bersiap sedia meningkatkan pemerolehan dan pembabit pelanggan.

"Pertumbuhan nilai jenama PETRONAS dikaitkan dengan agenda kemampuannya dan peningkatan permintaan untuk produk teras.

"Jenama itu komited sepenuhnya untuk kekal berdisiplin dalam penyampaian Strategi Pertumbuhan Tiga Serampang, iaitu mengukuhkan teras dan portfolio pertumbuhannya sambil me-

labur untuk masa depan dan bertekad dalam usaha mencapai matlamat pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050," katanya dalam satu kenyataan.

5,000 jenama dinilai

Setiap tahun, perundingan penilaian jenama terkemuka Brand Finance menilai 5,000 jenama terbesar dunia dan menerbitkan kira-kira 100 laporan dengan melatukkan jenama merentas semua sektor dan negara.

Menurut laporan itu, ketika peralihan tenaga berlangsung, PETRONAS terus merebut peluang dan baru-baru ini memperkenalkan entiti baharu, Gentari Sdn Bhd bertujuan untuk mempercepatkan penggunaan dan pengkomersialan tenaga bersih.

Ia dicapai menerusi penawaran rangkaian penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, hidro-

gen dan mobiliti hijau yang selamat, bertanggungjawab, kos dioptimumkan serta pengurangan pelepasan menerusi pendekatan bersepadu merentas rantaian nilai tenaga bersih untuk pelanggan di seluruh dunia.

Sementara itu, GENM berada di kedudukan kedua mengatasi Maybank susulan lonjakan 44 peratus nilainya kepada AS\$4.5 bilion (RM20 bilion).

Menurut Brand Finance, jenama itu memberi penekanan yang lebih besar untuk memaksimumkan kecekapan operasi keseluruhannya dengan memperkembangkan prestasi, mengoptimalkan pangkalan data, kualiti perkhidmatan dan strategi pemasaran dengan matlamat utama untuk meningkatkan pengalaman pelanggan.

Maybank pula menjadi jenama paling kukuh Malaysia dengan ranking AAA selepas nilainya melonjak tujuh peratus kepada AS\$3.9 bilion (RM17.4 bilion) dengan Indeks Pengukuhan Jenama (BSI) berada pada 89.1 daripada 100 (naik 2.3 mata).

Dalam pada itu, nilai jenama Mah Sing Group Bhd dan IHH Healthcare Bhd masing-masing melonjak 35 peratus kepada AS\$130 juta (RM579 juta) dan 38 peratus kepada AS\$87 juta (RM387.5 juta) untuk berada di tempat ke 56 dan 67 dalam ranking terbabit.